

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB MASYARAKAT TERHADAP PENCEGAHAN JENAYAH “CAKNA PERGAULAN ANDA”

Oleh

DSP Nor Azlinda Binti Hj Nordin

Pegawai Turus Kepolisian Komuniti

Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti

Polis Diraja Malaysia Kontinjen Melaka

1. PENDAHULUAN

Dalam keghairahan mengejar status negara maju pada tahun 2020 tidak dapat dinafikan arus globalisasi yang melanda turut memberi kesan kepada kehidupan manusia termasuklah fenomena gejala sosial yang melanda masyarakat kini. Gejala sosial seperti rogol, pembuangan bayi, hubungan seks sejenis dan sebagainya menjadi satu penyakit yang mengoyahkan masa depan dan pencapaian negara. Bila memperkatakan mengenai gejala sosial ianya pasti menjurus kepada penglibatan remaja dan belia. Hakikatnya, gejala sosial ini bukan satu isu baru tetapi, senario tersebut menjadi semakin serius apabila remaja dan belia sering dikaitkan dengan gejala sosial yang lebih serius seperti rogol, seks bebas, penyalahgunaan dadah, pengaruh alkohol dan pelbagai lagi masalah sosial yang menuntut tindakan segera dari semua pihak.

Hakikatnya, gejala sosial ini memberi kesan dan implikasi negatif bukan sahaja kepada individu yang terlibat tetapi ianya turut memberi kesan kepada masyarakat serta menjadi halangan kepada pembentukan modal insan yang mempunyai jati diri unggul sebagaimana hasrat kerajaan. Akibat perkembangan yang tidak sihat ini telah menimbulkan keimbangan masyarakat terhadap keselamatan mereka. Senario yang berlaku ini menyebabkan masyarakat mendesak pihak penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia mempertingkatkan kawalan dan keselamatan negara. Namun, adakah penekanan kepada tindakan penguatkuasaan dari pihak kerajaan dan pihak penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia sahaja

akan dapat melumpuhkan gejala sosial yang melanda kini ? Inilah cabaran yang perlu dihadapi bukan sahaja oleh pihak penguatkuasaan tetapi, ibu bapa dan semua lapisan masyarakat.

Sayangnya, hanya sebilangan pihak sahaja yang menjalankan usaha untuk membendung gejala sosial ini manakala majoriti yang lain hanya berdiam diri ataupun bertindak menundung jari mencari siapa yang patut dipersalahkan tanpa berusaha mencari formula serta tindakan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Persoalannya, adakah generasi warisan kita pada masa hadapan akan dapat hidup sepertimana yang kini kecapi kini sekiranya pemimpin negara adalah di kalangan individu yang bermasalah ?

Golongan ini merupakan aset negara dan menjadi tulang belakang dalam menyumbang kepada hala tuju negara ibarat pepatah *“Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara”*. Kegagalan kita dalam menghadapi gejala sosial ini akan menggugat keamanan dan kesejahteraan masyarakat serta menjelaskan perpaduan bangsa dan membantutkan perkembangan ekonomi, politik dan sosial negara. Penekanan kepada golongan ini turut ditekankan oleh seorang penyair Arab, Shauqey Bek yang menyebut; *“Keunggulan bangsa kerana akhlaknya, runtuh akhlak runtuhalah mereka”*.

2. DEFINASI

Sebelum kita mengupas dengan lebih jauh mengenai gejala sosial dan penglibatan remaja dan belia dalam jenayah, pemahaman yang jelas mengenai takrifan remaja, belia, gejala dan sosial untuk memberikan gambaran jelas mengenai masalah ini.

Remaja berasal dari perkataan Latin yang bermaksud menuju kematangan. Kamus Dewan mentakrifkan remaja sebagai peringkat mulai dewasa, sudah akal baligh dan sudah cukup umur untuk berkahwin. Dalam Islam, remaja ini ditakrifkan sebagai mulai akil baligh yang bermaksud seseorang itu wajib melaksanakan tanggungjawab agama. Ahli falsafah dan sains psikologi iaitu Hall (1904), fasa

remaja didefinasikan sebagai peringkat manusia berfizikal dewasa tetapi, masih belum bebas dari kebergantungan kepada ibu bapa. Khulen (1982) menganggap zaman remaja sebagai satu jarak waktu bagi seseorang mengalami transformasi dari zaman kanak-kanak ke alam dewasa yang menjadi titik tolak melengkapkan diri menuju ke alam kedewasaan.

Mengikut peruntukan undang-undang iaitu di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, kanak-kanak ditakrifkan berumur 18 tahun ke bawah manakala berlandaskan Rang Undang-undang (RU) Pertubuhan Belia Dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019, belia ditakrifkan sebagai mereka yang berumur antara 15 hingga 30 tahun.

Gejala mengikut kamus dewan ditakrifkan sebagai suatu hal yang menandakan akan terjadinya sesuatu, alamat atau petanda manakala sosial pula bererti segala yang berkaitan dengan masyarakat. Oleh itu gejala sosial bermaksud perkara, keadaan atau kesukaran yang berlaku dalam masyarakat hasil interaksi antara anggota masyarakat.

Selain takrifan mengenai gejala sosial, definisi jenayah juga perlu difahami memandangkan ianya juga mempunyai kaitan kepada senario gejala sosial yang melanda negara kini. Jenayah adalah perbuatan atau ketinggalan yang boleh dihukum oleh sebarang undang-undang yang sedang berkuatkuasa (*Any act or omission which transgress the law*) sebagaimana yang ditakrifkan dalam peruntukan Seksyen 2 Kanun Acara Jenayah. Hough et al (1985) dalam ‘*Taking Account of Crime “Key Findings from the Second British Crime Survey*, Home Office Research Study No 85, London berpendapat “*crime prevention is rather an elastic term, which at its broadest encompasses any activity intended to reduce the frequency of events defines ad crime by the criminal law*”

Steven Lab (1992) mendefinaskan pencegahan jenayah sebagai tindakan yang dirancang untuk mengurangkan tahap jenayah atau mengurangkan perasaan takut terhadap jenayah (*Crime prevention entails any action designed to reduce the actual of crime and or the perceived fear of crime*)

3. SEKSYEN DAN KESALAHAN UNDANG-UNDANG

Seksyen 354 Kanun Keseksaan menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat hendak mencabul kehormatan

Barang siapa menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada mana-mana orang, dengan maksud hendak mencabul atau dengan mengetahui mungkin bahawa dia akan dengan jalan demikian itu mencabul kehormatan orang itu, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, atau dengan denda, atau dengan sebat, atau dengan mana-mana dua daripada hukuman-hukuman itu.

Seksyen 376 Kanun Keseksaan Rogol

Seorang lelaki adalah dikatakan melakukan 'rogol' jia dia, terkecuali dalam hal yang dikecualikan kemudian daripada ini, bersetubuh dengan seseorang perempuan dalam keadaan yang termasuk di bawah mana-mana daripada perihal-perihal yang berikut;

- (a) bertentangan dengan kemahuan perempuan itu;
- (b) dengan tiada kerelaan perempuan itu;
- (c) dengan kerelaan perempuan itu manakala kerelaannya telah didapati dengan mendatangkan kepadanya atau mana-mana orang lain ketakutan mati atau cedera, atau telah didapati melalui salah tanggapan fakta dan lelaki itu tahu atau ada sebab untuk mempercayai bahawa kerelaan itu telah diberi akibat dari salah tanggapan tersebut;
- (d) dengan kerelaan perempuan itu manakala lelaki itu ketahui bahawa dia bukan suaminya, dan kerelaan itu diberi kerana perempuan itu percaya lelaki itu ialah seorang lelaki yang menjadi atau yang dia percaya menjadi suaminya yang sah di sisi undang-undang atau yang kepadanya dia akan memberi kerelaan;
- (e) dengan kerelaannya, jika pada masa memberi kerelaan itu dia tidak boleh memahami jenis dan akibat mengenai apa yang dia memberi kerelaan;

- (f) dengan kerelaan perempuan itu, apabila kerelannya didapati dengan menggunakan kedudukannya yang berkuasa ke atas perempuan itu atau atas sebab hubungan profesional atau lain-lain hubungan amanah berkaitan dengannya;
- (g) sama ada dengan kerelaan perempuan itu atau tidak, apabila perempuan itu di bawah umur enam belas tahun

Seksyen 376 Kanun Keseksaan Hukuman bagi rogol

- (1) Tertakluk kepada subseksyen (2),(3) dan (4), barang siapa melakukan rogol hendaklah dihukum dengan pemerjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun, dan hendaklah juga dihukum dengan sebatan
- (2) Barang siasapa melakukan rogol ke atas seorang perempuan di bawah mana-mana keadaan berikut;
 - (a) Pada masa, atau segera sebelum atau selepas melakukan kesalahan itu, menyebabkan kecederaan kepada perempuan itu atau kepada mana-mana orang lain;
 - (b) Pada masa, atau segera sebelum atau selepas melakukan kesalahan itu, meletakkannya dalam ketakutan kematian atau kecederaan kepada perempuan itu atau mana-mana orang lain;
 - (c) Kesalahan itu telah dilakukan dalam kehadiran atau di hadapan mana-mana orang lain;
 - (d) Dengan tiada kerelaan perempuan itu, apabila perempuan itu di bawah umur enam belas tahun;
 - (e) Sama ada dengan kerelaan perempuan itu atau tidak, apabila perempuan itu di bawah umur dua belas tahun;
 - (f) Dengan kerelaannya, apabila kerelaannya diperolehi dengan menggunakan kedudukan kuasanya terhadap perempuan itu atau kerana hubungan profesional atau hubungan amanah lain yang berhubung dengannya;
 - (g) Pada masa kesalahan itu perempuan itu mengandung;

- (h) Apabila disebabkan atau pada masa perogolan itu, wanita itu menjadi gila;
 - (i) Apabila dia mengetahui yang dia menghidap Human Immuno-Deficiency Virus (HIV) / Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) atau apa-apa penyakit yang boleh berjangkit melalui seks dan virus atau penyakit itu adalah atau mungkin boleh berjangkit kepada wanita itu;
 - (j) Apabila disebabkan atau pada masa perogolan itu wanita itu membunuh diri, atau
 - (k) Apabila dia mengetahui tentang kecacatan mental, gangguan emosi atau kecacaran fizikal wanita itu pada masa pelakuan jenayah itu,
Hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari sepuluh tahun dan tidak lebih dari tiga puluh tahun dan hendaklah juga dihukum dengan sebatan
- (3) Barang siapa melakukan rogol ke atas seorang perempuan di mana hubungan perempuan itu dengannya adalah tidak dibenarkan di bawah undang-undang, hukuman agama, adat atau kebiasaan, untuk berkahwin dengan perempuan itu, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari lapan tahun dan tidak lebih dari tiga puluh tahun, dan hendaklah juga dikenakan sebaratan tidak kurang dari sepuluh sebatan.
- (4) Barang siapa semasa melakukan atau percubaan melakukan rogol menyebabkan kematian perempuan yang dirogol itu atau yang ke atasnya percubaan rogol itu dilakukan hendaklah dihukum mati atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari lima belas tahun dan tidak lebih dari tiga puluh tahun, dan hendaklah juga dikenakan sebat tidak kurang dari sepuluh sebatan.

Seksyen 377A Pertubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii

Mana-mana orang yang melakukan perhubungan seks dengan seseorang yang lain dengan memasukkan zakarnya ke dalam dubur atau mulut seseorang lain itu dikatakan melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii.

Seksyen 377B Hukuman kerana melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii

Barang siapa dengan sengaja melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii hendaklah dihukum dengan pemerlapan selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun, dan hendaklah juga dihukum dengan sebatan.

Seksyen 309A Kesalahan membunuh anak

Apabila seseorang perempuan, dengan sesuatu perbuatan atau ketinggalan yang bersengaja, menyebabkan kematian anaknya yang baru lahir, akan tetapi pada waktu perbuatan atau ketinggalan itu dia belum cukup pulih dari akibat melahirkan anak itu dan oleh sebab itu ketenteraman fikirannya pada waktu itu telah terganggu maka dia adalah melakukan kesalahan membunuh anak walaupun keadaannya kesalahan itu adalah terjumliah kepada kesalahan membunuh orang jika tidak kerana seksyen ini.

Seksyen 309B Hukuman bagi kesalahan membunuh anak

Barang siapa melakukan kesalahan membunuh anak hendaklah dihukum mengikut budi bicara Mahkamah, dengan pemerlapan yang boleh sampai dua puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda

Seksyen 312 Menyebabkan keguguran

Barang siapa dengan sengaja menyebabkan seorang perempuan yang baru hamil gugur hendaklah dihukum dengan pemerlapan selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya,

dan jika perempuan itu mengandung anak yang telah bersifat, hendaklah dihukum dengan pemerjaraan selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan hendaklah uga dikenakan denda.

Seksyen 315 Perbuatan dilakukan dengan niat hendak mengelakkan anak daripada dilahirkan hidup atau hendak menyebabkannya mati selepas dilahirkan

Barang siapa, sebelum seseorang anak dilahirkan, melakukan apa-apa perbuatan dengan niat dengan jalan demikian itu hendak mengelakkan anak itu daripada dilahirkan hidup, atau hendak menyebabkan anak itu mati selepas dilahirkan, dan dengan perbuatan itu mengelakkan anak itu daripada dilahirkan hidup, atau menyebabkan anak itu mati selepas dilahirkan, hendaklah jika perbuatan itu tidak disebabkan dengan suci hati bagi maksud hendak menyelamatkan nyawa ibunya, dihukum dengan pemerjaraan selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

Seksyen 316 Menyebabkan kematian anak yang belum lahir yang telah bersifat dengan suatu perbuatan boleh terjumlah kepada kesalahan mematikan orang dengan salah

Barang siapa melakukan apa-apa perbuatan dalam keadaan yang sedemikian bahawa jika dia dengan jalan demikian itu menyebabkan kematian dia adalah melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah, dan dengan perbuatan itu menyebabkan kematian seorang anak yang telah bersifat yang belum lahir, hendaklah dihukum dengan pemerjaraan selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, dan hendaklah juga dikenakan denda.

Seksyen 317 Ibu bapa atau orang yang bertanggung menjaga kanak-kanak yang berumur kurang daripada dua belas tahun mendedahkan dan membuang kanak-kanak itu

Barang siapa yang menjadi bapa tau ibu seorang kanak-kanak yang berumur kurang daripada dua belas tahun, atau yang bertanggungjawab menjaga kanak-kanak itu, mendedah atau meninggalkan kanak-kanak itu dengan niat hendak membuang kanak-kanak itu sama sekali, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

Seksyen 318 Menyembunyikan kelahiran dengan jalan membuang mayat dengan sulit

Barang siapa dengan sengaja menyembunyikan kelahiran seorang kanak-kanak dengan jalan mengebumikan atau dengan jalan lain membuang mayat kanak-kanak itu mati sebelum atau selepas atau dalam masa dia dilahirkan, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

4. FAKTOR PENDORONG BERLAKUNYA GEJALA SOSIAL

Berdasarkan teori 'criminology' jenayah berlaku atas tiga elemen utama iaitu niat, sasaran dan peluang di mana dalam usaha melumpuhkan gejala sosial ini maka, masyarakat harus menyediakan mekanisme terbaik untuk menyekat ketiga-tiga elemen tersebut. Oleh yang demikian, sebelum tindakan pencegahan jenayah dilaksanakan, kita perlu mengenalpasti punca dan penyebab kepada berlakunya masalah tersebut.

Menurut Abd Rahim (2006), penglibatan remaja dalam pelbagai gejala sosial berpunca daripada beberapa faktor, antaranya faktor dalaman diri remaja itu sendiri dari aspek perkembangan personaliti, kegagalan fungsi institusi keluarga dan juga pengaruh rakan di mana dan kajian yang dijalankan oleh pihak Polis Melaka mendapati bahawa kanak-kanak dan belia yang berumur di antara 10 tahun hingga 30 tahun adalah kategori umur yang sering terlibat dengan pelanggaran undang-undang. Antara punca pendorong berlakunya gejala sosial di kalangan remaja dan belia ialah;

- Faktor latar belakang diri sendiri
- Perpecahan, penceraian dan masalah dalam keluarga
- Tahap kesedaran yang amat rendah tentang peradaban, keagamaan dan kefahaman tentang tanggungjawab sebagai warganegara
- Pergaulan rakan yang negatif
- Pengaruh media

Faktor Latar Belakang Diri Sendiri

Rogers (1962) menyatakan, remaja adalah tahap perkembangan fizikal dan sosiologi mengikut umur kronologi seperti berikut;

- i. 11 hingga 15 tahun : perubahan fizikal
- ii. 15 hingga 17 tahun : remaja membentuk dan mengutamakan identiti diri
- iii. 17 tahun ke atas : remaja berlatih memainkan peranan sebagai orang dewasa

PDRM mendapati golongan remaja dan belia memperlihatkan ego sentrisme di mana golongan ini berpandangan bahawa diri mereka dalam situasi yang sering menjadi tumpuan serta unik dimana masyarakat tidak memahami mereka. Golongan ini sering mengambil jalan mudah untuk menyelesaikan masalah tanpa menyedari rasional dan akibat dari tindakan yang diambil. Dari sudut psikologi pula, Arieff dan Wardah (2006) menjelaskan perlakuan remaja digambarkan sebagai perlakuan emosi di mana perasaan lebih berpengaruh daripada fikiran.

Kenyataan ini turut disokong dengan pendapat oleh Ann dan Wan Seng, Pensyarah Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya menyifatkan remaja sebagai golongan yang mengalami transformasi budaya, mental, fizikal serta sedang mencari identiti diri. Kegagalan menghadapi tekanan akan menyebabkan golongan ini memberontak sebagai salah satu kaedah untuk meluahkan emosi mereka.

Perpecahan, penceraian dan masalah dalam keluarga

Keluarga adalah proses utama dalam pembentukkan masyarakat dan negara di mana sebagai institusi asas maka ia perlu diperkasakan dengan pelbagai elemen khasnya disiplin, kerohanian dan pendidikan. Menurut Abd Rahim (2006), golongan remaja menyesuaikan dirinya dengan faktor-faktor persekitaran keluarga, persekitaran sosial dan budaya yang akan mencorakkan perkembangan tingkat laku

mereka. Perubahan nilai dalam keluarga ini turut dikupas oleh Abd. Rahim Sufean & Jamaludin (2006) dalam penulisannya menyatakan bahawa perubahan nilai dalam keluarga boleh mengakibatkan berlakunya pelbagai permasalahan sosial dalam masyarakat.

Peranan keluarga khasnya ibu bapa turut ditekankan dalam sepotong hadis Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh Imam Abu Ya'La, Thabrani dan Baihaqi iaitu “Setiap anak yang dilahirkan adalah dalam keadaan yang bersih melainkan dua orang tuannya yang bertanggungjawab mencorakkannya menjadi Yahudi atau Nasrani atau Majusi”. Namun senario masyarakat kini memperlihatkan kurangnya kemahiran keibubapaan (parenting skills) dalam membentuk perkembangan fizikal intelek, emosi dan perkembangan sahsiah anak-anak.

Kajian yang dijalankan Fauziah Ibrahim et.al (2008) dari UPM bertajuk “Sokongan Keluarga dan Kecenderungan Penagihan Relaps Dalam Kalangan Penagih Dadah Di Malaysia” ke atas 400 orang responden dari Iapan Pusat Serenti yang merangkumi Zon Selatan, Timur, Tengah dan Utara mendapati 96 % penagih berulang menyatakan bahawa mereka menerima sokongan yang sederhana daripada keluarga dan hanya empat peratus sahaja yang menerima sokongan yang rendah dari keluarga. Ketiadaan interaksi yang bersifat terbuka di antara bekas penagih dan keluarga dikatakan penyebab kecenderungan penagihan yang berulang.

Kajian bertajuk “Delinkuensi Di Kalangan Penghuni Institusi Pemulihan’ yang dijalankan oleh Rokiah Hj Ismail (2000a: 498-535) dari UKM di 2 buah institusi pemulihan memaparkan sebahagian besar penghuni terlibat dalam tingkah laku mencuri, menyamun, memeras ugut, bergaduh serta mencederakan orang lain dan lari dari rumah. Antara faktor utama yang mempengaruhi delinkuensi di kalangan penghuni sebelum dimasukkan ke institusi pemulihan ialah pengaruh rakan, masalah dalam keluarga, keadaan ekonomi keluarga yang rendah, kawalan sosial keluarga yang kurang berkesan dan sikap individu itu sendiri untuk menikmati kebebasan.

Kajian oleh Rahiman Abdul Aziz (2008: 45-71) bertajuk “Keganasan Keluarga : Gejala Penganiayaan dan Pengabaian Kanak-kanak di Malaysia” mendapati keganasan keluarga sama ada terhadap kanak-kanak, pasangan, orang tua atau yang tidak berupaya, diakui sebagai satu masalah sosial yang perlu ditangani oleh negara dan masyarakat agar kejadian ini dapat dikawal.

Menurut Colhoun, et al (1993) remaja daripada rumah tangga yang retak atau ibu tunggal lebih mudah terbabit dalam tingkah laku delikuen berbanding dengan remaja yang datang daripada keluarga yang normal. Menurut Hamidah, et al (2006) ramai anak-anak dari keluarga tunggal mempunyai masalah tingkah laku dan emosi akibat kurannya pengawasan. Masa yang dihabiskan untuk bersama anak-anak semakin berkurangan kerana ibu atau bapa tunggal perlu bekerja lebih masa untuk menyara keluarga. Akibatnya remaja dari keluarga tunggal ini akan menghabiskan banyak masa di luar rumah dan sering terdedah kepada pengaruh negatif rakan-rakan mereka.

Selain itu, menurut Mahmood Nazar Muhammad (1993), tingkah laku negatif di kalangan remaja juga disebabkan konflik dan tekanan psikologi. Mereka gagal melihat keluarga adalah satu persekitaran yang sihat dan boleh memberikan kebahagiaan kepada mereka. Kajian Montemayor dan Hanson (1985) menunjukkan punca konflik antara remaja dengan ibu bapa berkaitan dengan isu interpersonal. Kekurangan dan gangguan interaksi yang berkesan dan menyebabkan jiwa remaja memberontak dan boleh mendorong mereka bertingkah laku devian. Selain itu, Arief dan Wardah (2006) menjelaskan ibu bapa yang sibuk dengan kerja boleh menyebabkan hubungan antara anak renggang.

Semua kajian yang dinyatakan di atas mendapati kurangnya penghayatan nilai-nilai agama dan krisis rumah tangga dan ketidakpekaan ibu bapa terhadap masalah persekitaran mengancam nyawa dan masa depan anak-anak mereka. Didikan dan disiplin yang betul membolehkan anak-anak menyumbangkan tenaga mereka bagi kepentingan dan kemajuan negara, agama dan bangsa

sebagaimana yang dinyatakan oleh Elkin dan Handel (1972) ‘*the process by which individuals learn the way of society or group so that they can function within it*’.

Tahap kesedaran yang amat rendah tentang peradaban, keagamaan dan kefahaman tentang tanggungjawab sebagai warganegara

Nilai-nilai peradaban, kefahaman sivik, agama dan nilai moral yang amat rendah menyebabkan golongan remaja dan belia cepat terpengaruh dengan masalah sosial serta perlanggaran undang-undang. Ketidakmatangan mereka untuk menilai dan membezakan baik buruknya sesuatu perkara itu menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan elemen-elemen negatif.

Kenyataan ini disokong menerusi beberapa kajian seperti kajian yang dijalankan oleh San Bernadino (California) District Attorney’s Office mendapati 78% banduan memiliki rekod ponteng ketika di bangku sekolah. Kebanyakkannya penjenayah remaja yang ditahan pernah terbabit dengan kesalahan pecah rumah, mencuri kenderaan dan menyamun serta terlibat dengan dadah, minuman keras, samseng dan keganasan. 67% daripada pelajar yang ponteng didapati positif dadah manakala 57% remaja yang terlibat dengan jenayah keganasan berlaku semasa waktu persekolahan.

Kurangnya penghayatan akhlak dalam diri juga mendorong remaja dan belia terlibat dalam masalah sosial dan jenayah. Menurut Najati (1993), keruntuhan nilai akhlak di dalam sesebuah masyarakat boleh menjadi ancaman kepada kesejahteraan mentak individu. Para pengkaji kemasyarakatan Barat juga menyedari kelemahan dalam sesebuah masyarakat dan pentingnya proses-proses pemantapan akhlak terutama sekali melalui agama (Mohd Sulaiman Yasin, 1992)

Unsur-unsur kerohanian dan keagamaan kurang diberikan penekanan dan ini menyebabkan pelajar dan generasi muda kini lebih mantap hanya dari aspek ilmu tetapi kosong dari nilai moral, sivik dan peradaban. Pendidikan agama dalam kehidupan seorang manusia tidak dapat dipisahkan kerana ia memandu kehidupan

manusia ke arah kesejahteraan. Tanpa pegangan agama, seseorang akan hilang panduan dan jati diri dalam menempuh kehidupan dunia yang mencabar. Jika dinilai dari sudut sahsiah, secara relatifnya seseorang yang mempunyai pegangan agama yang longgar akan mudah terjerumus ke arah masalah sosial. Kajian yang dibuat oleh Zulkiffly (2006) menunjukkan kurangnya kesedaran terhadap kepentingan agama sama ada dalam kalangan ibu bapa atau masyarakat umum.

Hasil dapatan yang sama turut diperolehi menerusi kajian yang dibuat oleh Phares dan Compas (1992) membuktikan penglibatan remaja dengan masalah sosial adalah disebabkan oleh kurangnya amalan kerohanian seperti menunaikan solat. Kajian yang dijalankan mendapati remaja yang mempunyai asas agama yang lemah dan pemahaman mengenai agama akan lebih mudah terjerumus dengan salah laku seks.

Pergaulan rakan sebaya yang negatif

Rakan sebaya (*companionship*) dianggap dapat memberikan kepuasan, ketenangan dan memahami perasaan mereka. Menurut Kajian Inventori Penyelidikan Pembangunan Sosial di Malaysia 2001-2005, Nur Atiqah Tang Abdullah, 2000, hlm 293-295) mendedahkan pengaruh rakan sebaya menyebabkan individu terlibat dengan budaya melepak dan pelbagai masalah sosial lain seperti ketagihan dadah, arak, berjudi, menonton video lucu, seks bebas dan sebagainya. Pendapat mengenai konflik dalaman remaja dan belia ini turut diketengahkan oleh ahli falsafah dan sains psikologi iaitu Freud (1979) melalui teori *psikoanalisi* ketiga – *behaviorisma* yang mengaitkan faktor kawan dan persekitaran memainkan peranan dalam pembentukkan tingkah laku seseorang.

Kajian yang dibuat oleh Aline (1979) menyatakan bahawa salah satu sumber yang mempunyai pengaruh yang kuat ke atas sikap dan nilai seksual golongan muda adalah pengaruh rakan sebaya. Dapatkan ini juga disokong menerusi kajian yang dibuat oleh Podhista et al. (2001) di mana subjek yang memiliki rakan sebaya

yang terlibat dengan hubungan seks, mereka lebih cenderung terlibat dalam hubungan seks sebelum kahwin.

Pengaruh Media Dan Teknologi

Generasi Y atau generasi millennia yang lahir antara tahun 1981 hingga 1994 dan generasi Z atau i generation yang lahir antara tahun 1995 hingga 2010 merupakan golongan yang mewakili generasi masa hadapan dan ramai pengkaji menyatakan golongan ini sangat bergantung kepada media sosial dan teknologi dalam kehidupan mereka dan tidak memberi fokus kepada aspek kehidupan dan nilai kekeluargaan.

Kajian pihak polis mendapati media dan teknologi sebagai mekanisme transmisi budaya, maklumat dan ilustrasi turut mempengaruhi pembentukkan sosialisasi masyarakat. Pengkaji komunikasi dan sosiologi, Joseph Klapper (1982) mendapati pengaruh televisyen akan menyebabkan kanak-kanak hilang kepercayaan dan kebergantungan kepada orang dewasa dalam menyelesaikan masalah mereka sendiri. Elanor E Maccoby, pakar komunikasi dalam bukunya "*Why Do Children Watch TV*" menyatakan kanak-kanak mencapai mencapai maksimum menerusi fantasi yang digambarkan di televisyen memandangkan kepuasan tersebut tidak diperolehi dalam dunia nyata. Kajian Bahagian Penyelidikan Kementerian Penerangan (Jun 1994) ke atas 9.3 juta penonton televisyen yang berumur lebih 15 tahun mendapati 82% gemar menonton rancangan berbentuk tayul, 80.7% adengan seks dan 72.8% babak ganas.

Menurut Kajian Inventori Penyelidikan Pembangunan Sosial di Malaysia 2001-2005, Muhamad Mansur Abdullah, 2000, hlm 142-151 mendedahkan bahawa media massa mempengaruhi golongan remaja dan belia terlibat dengan hiburan, keseronokan yang melampaui batas dan menyebabkan wujudnya kurang tahan iman.

Pengaruh media boleh menguasai remaja dan belia untuk melakukan keganasan sehingga melanggar undang-undang, adat dan agama. Teori Catharsis menunjukkan bahawa rancangan telivisyen yang ditonton adalah satu kaedah untuk melepaskan keganasan dari dalam diri yang turut memberi kesan serta merta kepada empat bahagian iaitu saraf, emosi, moral dan daya fikir.

Teknologi merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi dan mendorong remaja dan belia ke arah salah laku seks di mana dengan hanya menggunakan telefon pintar yang dilengkapi dengan kemudahan ekses internet, remaja dan belia boleh mengakses apa jua maklumat termasuklah bahan lucah. Bahan yang diperolehi ini juga sangat mudah dikongsikan dengan pelbagai aplikasi yang terdapat dalam telefon pintar. Keterujaan melihat bahan lucah ini memberi dorongan yang sangat kuat kepada tingkah laku yang akan menjerumuskan golongan ini kepada perbuatan seks bebas.

Kajian yang dilakukan oleh Nurul (2011) mendapati pengaruh internet menyebabkan kepincangan dan keruntuhan akhlak golongan remaja khasnya kepada remaja Islam.

5. SEKS BEBAS

Bagi tujuan pembentangan kertas kerja ini, analisis dan kajian mengenai trend jenayah rogol di Negeri Melaka akan turut dikupas. Rogol merupakan gejala sosial yang dilihat semakin hari semakin meruncing dan senario ini perlu ditangani segera oleh semua pihak.

Seks di kalangan remaja dan belia amat membimbangkan dan semakin berleluasa. Menurut laporan Durex yang didedahkan oleh Healthcare Malaysia Sdn Bhd (2002) ke atas 2500 responden lelaki dan wanita yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 31 tahun mendapati remaja yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 24 tahun paling kerap melakukan hubungan seks dan melahirkan anak luar nikah. Purata mereka melakukan hubungan seks sebanyak 121 kali setahun atau tiga kali seminggu dan percintaan merupakan faktor utama responden melakukan seks bebas (Mohammad, 2003).

Menurut Schutt dan Maddaleno (2003), remaja telah mengalami perubahan dari sudut psikologi di mana wujud keinginan seksual, perasaan berahi dan tertarik kepada individu berlainan jantina. Ini mendorong mereka melakukan salah laku seks tanya memikirkan natijahnya. Pandangan ini disokong oleh O’Sullivan et al (2006) yang juga menyatakan pada usia awal remaja, perasaan tertarik kepada individu berlainan jantinan mula tumbuh dan perasaan ini mewujudkan keinginan untuk bercinta dan berintimasi.

Kajian PDRM Melaka mendapati tiga faktor utama yang menjadi punca berlakunya jenayah rogol ialah pengaruh teman lelaki, pengaruh rakan dan pergaulan bebas. Soal selidik yang dijalankan oleh PDRM Melaka ke atas semua mangsa rogol mendapati antara punca jenayah tersebut berlaku ialah ;

- Kurang didikan agama
- Perasaan ingin tahu / ingin mencuba hubungan seks.
- Terlibat dengan cinta di awal usia

- Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan
- Kurang pengetahuan mengenai akibat perhubungan seks
- Pengaruh rakan sebaya
- Pengaruh bahan bahan lucah / Internet
- Kurang penyeliaan ibubapa
- Institusi keluarga yang bermasalah
- Mudah terpedaya dengan pujuk rayu dan perlawaan dari orang yang baru dikenali / tidak dikenali

Hasil kajian pihak PDRM Melaka ini turut mempunyai persamaan dengan salah satu kajian yang telah dijalankan berjudul “Social Ill and Sexploitation of Women in Malaysia: Views of Women Political Leaders On Causes And Remedies” oleh Zeenath Kausar (2005) dari UIAM mendapati faktor keluarga, umur, tempat tinggal, latar belakang keluarga dan latar belakang pendidikan, pengaruh negatif rakan sebaya, media massa dan masyarakat menyumbang ke arah remaja melakukan jenayah dan delinkuensi.

Kajian oleh Jas Laile Suzana Jaafar (2004) dari Universit Malaya berjudul “The Relationship Of Religiosity and Youth Culture To Premarital Sex Among Malaysian and Indonesian Adolescents” ke atas 389 responden menunjukkan pengetahuan agama yang rendah merupakan sebab utama penglibatan remaja dalam seks sebelum perkahwinan.

6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB MASYARAKAT TERHADAP PENCEGAHAN JENAYAH

Jenayah adalah fenomena yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan. Menurut Durkhien (1995) dalam Sheley, jenayah merupakan satu gejala semulajadi dan mempunyai peranannya tersendiri di dalam sesbuah masyarakat. Kawalan sosial yang tidak terkawal dan perhubungan sesama manusia adalah antara faktor yang mempengaruhi peningkatan kadar jenayah (Vago, 1991; Wikstrom, 1991 dan Sheley, 1995)

Pihak polis akan bertindak secara sistematik untuk mengurangkan kadar jenayah manakala, masyarakat pula perlulah berusaha meningkatkan tahap pencegahan jenayah bagi membendung kejadian jenayah di kawasan kejiran. Walaubagaimanapun sebahagian masyarakat masih meletakkan beban sepenuhnya dalam pengurusan jenayah kepada polis. Pembentukkan sebuah negara yang aman dan sejahtera adalah peranan setiap lapisan komuniti yang turut memainkan peranan dengan menegur, melaporkan dan mencegah dari isu jenayah tersebut berleluasa. Mary Jeanette Hareman berpendapat "*There is a direct correlation between citizens willingness to report violation, to testify voluntarily as witnesses, and the police agency's operation, since citizen assistance is crucial to law enforcement agencies if the police are to resolve an appreciate proportion of the crimes that are committed*".

Constraints dari kupasan punca dan penyabab yang telah dinyatakan di atas tidak seharusnya dilihat sebagai satu bahan kajian sahaja tetapi, masyarakat perlu mencari formula dan kaedah terbaik untuk mengatasi gejala sosial ini dengan lebih sistematik serta konsisten yang bukan sekadar tindakan bermusim. Setiap lapisan individu di negara ini harus memiliki sikap penyayang, bertoleransi, bertanggungjawab dan sentiasa memastikan kawasan mereka bebas dari sebarang kejadian jenayah dan masalah sosial. Apa yang PDRM harapkan dari komuniti seperti ahli keluarga, masyarakat dan sekolah dapat memainkan peranan masing-masing untuk menjayakan kawalan sosial ini.

Peranan Ibu Bapa

Ibu bapa ibarat tiang seri yang amat penting dan menjadi tunjang kepada keutuhan institusi keluarga dan tindakan memperkasakan nilai kekeluargaan yang digerakkan ibu bapa dapat menangani isu sosial yang berlaku kini.

Barnes dan Olson (1985) mendapati komunikasi yang baik antara ibu bapa dan remaja akan menyebabkan hubungan keluarga semakin rapat, wujud kasih sayang dan proses penyelesaian masalah akan berlaku dengan mudah.

Keperihatinan ibu bapa terhadap permasalahan anak mereka juga amat diperlukan. Perlunya ruang dan masa oleh ibu bapa untuk anak-anak khususnya remaja untuk membincangkan tentang sesuatu masalah yang dihadapi atau sekadar memenuhi interaksi sosial antara mereka. Situasi sebegini membolehkan anak-anak khususnya remaja merasakan kasih sayang ibu bapa dan sekaligus dapat membentuk emosi yang sihat.

Kajian yang dijalankan oleh Fariza et al. (2000) menjelaskan bahawa kegagalan institusi rumah tangga telah membawa berlaku pelbagai keruntuhan moral seperti lari dari rumah, salah laku seks, pelacuran, buang bayi dan sebagainya. Dapatkan yang sama turut diperolehi menerusi kajian oleh Aminuddin (2004) yang menyatakan institusi keluarga pada hari ini gagal memainkan peranan dan fungsi sewajarnya dalam membentuk generasi mudah bersahsiah tinggi. Kurangnya kasih sayang sesama keluarga telah menyebabkan berlakunya pelbagai masalah sosial seperti sumbang mahram, lari dari rumah dan gejala hubungan seks.

Dalam program intervensi pencegahan berasaskan ibu bapa khususnya yang melibatkan strategi terapi keluarga, komponen ibu bapa (*parental components*) perlu memandu anak-anak mereka dengan berkesan ke arah tingkah laku seksual yang selamat dan bertanggungjawab. Mengikut Guilamo-Ramos et al, 2011a; Guilamo-Ramos et al, 2011b; Jaccard, 2009; Tanner et al, 2008; Forehand et al, 2007; Guilamo-Ramos, Jaccard and Casillas, 2004 - antara aspek yang perlu ada ialah;

- 1) Kesedaran ibu bapa mengenai tingkah laku seks berisiko;
- 2) Komunikasi penyaluran maklumat seksual (*sexual communication*) antara ibu bapa dengan anak;
- 3) Strategi komunikasi berkesan antara ibu bapa dan anak yang perlu merangkumi komunikasi mengenai tingkah laku seksual dan model tingkah laku komunikasi ibu bapa
- 4) Strategi keibubapaan kreatif dan berkesan yang fokus kepada kemahiran-kemahiran yang mampu mengurangkan penglibatan remaja dalam tingkah laku seks berisiko;

- 5) Strategi pengawasan berkesan oleh ibu bapa terhadap aktiviti harian anak (*parental monitoring strategies*);
- 6) Strategi pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah keibubapaan berkesan;
- 7) Pemantauan dan penyeliaan tingkah laku anak oleh ibu yang menfokus kepada hubungan interaksi dan komunikasi mengenai model tingkah laku seksual positif, pengetahuan dan kepercayaan berkaitan tingkah laku anak
- 8) Nilai budaya dan agama;
- 9) Mesej positif mengenai kesihatan reproduktif

Peranan aktif yang dimainkan oleh ibu bapa akan menyumbang ke arah pembentukan sebuah tamadun bangsa menerusi tiga kaedah asas pendidikan melalui teladan, menekankan aspek kerohanian serta kedudukan dan kelangsungan bangsa.

Peranan Komuniti

Selain dari pencegahan jenayah yang digerakkan oleh pihak kerajaan, pihak PDRM dan pihak berkuasa, komuniti turut perlu memainkan peranan dalam usaha pencegahan jenayah. Kerjasama masyarakat dan polis adalah penting kerana mengikut pakar kriminologi iaitu St John Robilliard, Reiner dan Elmer H.Johson menyatakan hubungan polis dengan masyarakat mempengaruhi keadaan jenayah dan masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat. Dalam Goldstein (1990) dan Moore (1992) “*Community and Police working in partnership to prevent, solve or reduce problems that effect the quality of life within the community*”

Komuniti perlu memainkan tanggungjawab dalam pencegahan jenayah sebagaimana yang digariskan mengikut undang-undang sebagaimana peruntukan Seksyen 11 Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) yang mewajibkan tindakan orang ramai untuk menolong Majistret, Jaksa Pendamai dan Polis dalam menangkap atau menahan orang yang telah melepaskan diri dari ditangkap, orang yang menganggu keamanan dan memberhentikan rusuhan serta gaduh gempar.

Komuniti juga bertanggungjawab untuk melakukan kejadian jenayah di kawasan mereka sebagaimana yang termaktub dibawah Seksyen 13(1) Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) memperuntukan orang ramai untuk memberi maklumat berhubung perkara-perkara seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen (1)(a) KPJ iaitu kesalahan-kesalahan terhadap Negara, kesalahan-kesalahan terhadap ketenteraman awam, kesalahan-kesalahan mengenai tubuh badan, perculikan, melarikan orang, keabdian, kerja paksa, ro gol, sumbang mahram, perbuatan luar tabii, mecuri, pemerasan, rompak, khianat, pencerobohan enayah dan pecah rumah.

Selain itu, peruntukan Seksyen 13(1)(b) KPJ, orang ramai juga diwajibkan untuk memberi maklumat berhubung hal kematian. Kegagalan orang ramai untuk memberi maklumat ini kepada pihak Polis, merupakan satu kesalahan dibawah Seksyen 176 Kanun Keseksaan dan boleh dijatuhkan hukuman penjara selama sebulan atau dengan denda boleh sampai RM 1,000.00 atau kedua-duanya sekali.

Peranan Agensi Keraaan Dan Badan Bukan Kerajaan

Agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan perlu turut sama berganding bahu untuk membentuk remaja dan belia diterapkan dengan elemen berikut;

- i. Membentuk keluhuran jiwa yang tahu tentang tanggungjawab (*sense of responsibility*). Tanggungjawab adalah satu amanah yang perlu dipraktikkan, dihayati, difahami dan diamalkan supaya golongan ini menjadi warganegara yang baik, berbudi bahasa, bertimbang rasa dan bersikap positif;
- ii. Membina linkungan kebebasan (*sphere of freedom*) di kalangan belia dan remaja dengan mengenali erti tanggungjawab. Dalam erti kata lain, kita tidak ingin menyekat kebebasan golongan ini tetapi, dalam masa yang sama mereka mereka turut mengenal erti tanggungjawab “*freedom with responsibility*”

- iii. Mengukuhkan kesedaran sosial yang tinggi dengan memantapkan jaringan kerjasama, perkongsian bijak (*smart partnership*) di antara kerajaan dengan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan komuniti;
- iv. Mewujudkan usaha-usaha pengupayaan yang menyeluruh (total empowerment) di kalangan belia dan remaja dalam meneruskan kesinambungan dan pembangunan negara. Usaha ini perlu dimantapkan dan diamalkan supaya golongan ini dapat bertindak dengan lebih terancang dengan memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada masyarakat.

7. KESIMPULAN

Tiada jalan singkat bagi menangani masalah jenayah dan masalah sosial di kalangan remaja dan belia melainkan pembabitan semua pihak seperti ibu bapa, keluarga, komuniti, sekolah, pihak berkuasa, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan pihak kerajaan. Pendekatan psikologi dan pelaksanaan undang-undang membantu dalam menangani pemasalahan ini di samping pelaksanaan berterusan program dan aktiviti kesedaran kepada golongan remaja dan belia.

RUJUKAN

Abd Rahim Abd. Rashid (2006). Menangani Remaja Dalam Keluarga. Universiti Malaya: Pusat Pembangunan Keluarga.

Abd Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin dan Che Hashim Hassan (2006). Krisis dan Konflik Institusi Keluarga. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd

Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif (2005). Membentuk Identiti Remaja. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd

Barnes, H.L. dan Olson, D.H. (1985). Parent-Adolescent Communication and the Circumplex Model. Child Development. 56. 438-447

Bronstein, P. (1994). Patterns of Parent-Child Interaction in Mexican Families: A Cross Cultural Perspective. Behavioral Development. 17(3). 423-469

Cohen, A.K. (1975). Delinquent Boys. New York: The Free Press.

Dishion, T.J., Patterson, G.R., & Griesler. P.C.(1994), Peer Adaptation in The Development of antisocial behavior: A confluence model. In L.R. Huesmann (Ed), Aggressive Behavior: Current Perspectives. New York: Plenum

Goldenberg, I. and Goldenberg, H. (1991). Family Therapy: An Overview. Edisi ke-3. Pasific Grove, CA: Brooks/Cole.

Hall, G.S. (1904). Adolescence: Its Psychology and Its Relations to Physiology, Anthropology, Sociology, Sex, Crime, Religion and Education (2 Vols.). New York: Appleton-Century-Crofts.

Hamidah Ab. Rahman, Sabariah Din, Mohd Taib Dora, Ajmain Safar, Hamdan Abd Kadir dan Puteri Khairul Bariah Mohd Mansur. (2006). Faktor Penyumbang Kepada Masalah Keluarga Dan Pencerayaan: Kajian Kes Di Johor. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia.

Hoffman, L. (1996). Progress and Problems in The Study of Adolescence. Developmental Psychology. 32. 777-780.

Jackson, S., Bijststra, J., Oostra, L. and Bosma, H. (1998). Adoloscents' Perceptions of Communication with Parents Relative to Specific Aspects of Relationships with Parents and Personal Development. Adolescence. 21(3). 305-322.

Kohlberg, L. (1969). Stage and Sequence: the Cognitive-Developmental Approach to Socialization. In D. A. Goslin (Ed.), *Handbook of Socialization Theory of Research*. Chicago: Rand McNally

Mahmod Nazar Mohamed. (1990). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmod Nazar Mohamed. (1993). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd

Mariani bt. Md. Nor & Hamidah bt. Sulaiman. (2005). *Seks Bebas: Mengenal Pasti Punca Perlakuan dalam Roziah Omar dan Sivamurugan Pandian*, Malaysia Isu-isu Sosial semasa: Unit Penerbitan ISM Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Mohamad Shatar Sabran. (2003). *Pengenalan Kepada Masalah Sosial*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia)

Noraini Ahmad (2000). *Kaunseling Remaja*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd

O’Sullivan, L.F, Meyer-Bahlburg, H.F.L & McKeague,I.W (2006). The development of the sexual self-concept inventory for early adolescent girls. *Psychology of women Quarterly*.30 (2006), 139-149.

Piaget, J. (1972). Intelectual Evolution From Adolosence to Adulthood. *Human Development*. 15.1012.

Ramli Shafie (2003). *Remaja Dan Tuntutan Masa Hadapan: Ceramah Kenegaraan dan Pembangunan Mutakhir Malaysia*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.

Zulkifly Ahmad (2006). *Jenayah Seksual*. Mostagain Resources Publications.

Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad (2004). *Panduan Mengurus Remaja Moden*. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.